

BANK ISLAM UMUM PERSARAAN Pengerusi TAN SRI DR ISMAIL HAJI BAKAR

KUALA LUMPUR, Jumaat, [21 Ogos 2026]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mengumumkan persaraan Pengerusi, Tan Sri Dr Ismail Haji Bakar, berkuat kuasa 22 Ogos 2026, setelah enam tahun perkhidmatan cemerlang beliau di Lembaga Pengarah, termasuk sebagai Pengerusi sejak Ogos 2020. Sepanjang tempoh tersebut, beliau memainkan peranan penting melalui kepimpinan berwibawa dan panduan strategik yang jelas dalam menyokong pertumbuhan Kumpulan, memperkukuhkan amalan tadbir urus korporat serta mencipta nilai mampan untuk semua pihak berkepentingan.

Lembaga Pengarah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan Sri Dr Ismail atas sumbangan bermakna dan komitmen beliau dalam mengukuhkan rangka kerja tadbir urus Kumpulan, menyokong agenda transformasi korporat dan memperkukuh kedudukannya sebagai peneraju institusi perbankan Islam berasaskan nilai.

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan Kumpulan terhadap amalan tadbir urus yang teguh, kesinambungan kepimpinan dan pelaksanaan perancangan penggantian yang tersusun, Mohd Yuzaidi Mohd Yusoff, Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif (SINED), akan terus menjalankan peranannya sebagai SINED termasuk mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah selaras dengan peruntukan Piagam Lembaga Pengarah berkuat kuasa 22 Ogos 2026 sehingga pelantikan Pengerusi baharu.

Mohd Yuzaidi telah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah Bank Islam sejak Julai 2019 dan kini mempengerusikan Jawatankuasa Risiko serta Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran. Lembaga Pengarah terus mengekalkan fungsi penuh dan komited untuk memastikan pengawasan yang berkesan, tadbir urus yang kukuh serta pelaksanaan agenda strategik Kumpulan berjalan lancar sepanjang tempoh peralihan ini.

YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah Raja Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam berkata, "Bagi pihak Lembaga Pengarah, Pengurusan dan warga kerja Bank Islam, saya ingin merakamkan penghargaan tidak terhingga kepada Tan Sri Dr Ismail Haji Bakar atas kebijaksanaan, kepimpinan dan khidmat bakti beliau sepanjang tempoh perkhidmatannya. Kepimpinan beliau telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh asas tadbir urus Kumpulan, memperteguh hala tuju strategik serta meningkatkan keupayaan institusi Bank Islam. Kami merakamkan setulus penghargaan atas segala sumbangan beliau

terhadap perkembangan dan kejayaan Bank Islam serta mendoakan beliau terus dilimpahi kejayaan pada masa hadapan.”

Lembaga Pengarah dan Pengurusan telah bekerjasama rapat bagi memastikan peralihan kepimpinan ini berjalan lancar dan teratur. Dengan bimbingan berterusan Lembaga Pengarah di bawah kepimpinan Mohd Yuzaidi serta kekuatan barisan pengurusan yang berpengalaman, kami akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan agenda strategik Kumpulan, menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan komuniti serta mencipta nilai yang mampan untuk para pemegang saham dan pihak berkepentingan,” tambah Raja Teh Maimunah.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.